

Pemangkin ekonomi negara

"Sudah tentu ini memerlukan tenaga mahir seperti graduan Unimas kerana SCORE memerlukan lebih kurang 1.5 juta tenaga kerja di pelbagai peringkat dan industri."

PEHIN SRI HAJI
ABDUL TAIB MAHMUD
Ketua Menteri Sarawak

SAFRI ALI

KOTA SAMARAHAN, Ahad — Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud memuji dan berbangga dengan penglibatan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dalam Projek Pembangunan Wilayah Tengah Sarawak dan membuat laporan tenaga kerja yang diperlukan untuk Koridor Tenaga Yang Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Berucap di Majlis Konvokeyen Ke-16 (Sidang Tiga) Unimas di DeTAR PUTRA Kampus Barat Unimas di sini hari ini, beliau percaya dengan komitmen semua pihak, bakal tenaga muda di Sarawak termasuk graduan SCORE mampu muncul sebagai nadi penggerak ekonomi dan sosial Sarawak yang berkesan dan diurus tadbir dengan baik. *(Gambar di Muka 3)*

Pro Canselor Unimas itu turut mengucapkan tahniah kepada Unimas kerana berjaya menggabungkan aspek pengajaran dan penyelidikan bagi menyokong usaha ke arah negara berpendapatan tinggi.

"Unimas juga aktif dalam penyelidikan, perundingan dan khidmat masyarakat dalam bidang pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), tenaga hijau dan tenaga yang boleh diperbaharui, kepelbagaian biologi (biodiversiti), kesihatan dan perubatan komuniti, reka bentuk dan inovasi serta mengoptimumkan industri sago dan pada masa sama tidak melupakan pembangunan komuniti luar bandar bukan sahaja tertumpu di Sarawak, malah di peringkat nasional dan antarabangsa.

"Untuk dikenali di pentas dunia Unimas harus melipatgandakan usaha untuk memanfaatkan pengetahuan tempatan dalam kajian kesarjanaan agar dapat dikongsi bersama di pentas antarabangsa," katanya.

Menurutnya, tugas universiti dalam membina dan membangunkan modal insan beretika, berkemahiran, bertanggungjawab dan komited begitu besar dan tanggungjawab itu perlu dikembangkan dalam kehidupan bermasyarakat oleh graduan kerana mereka merupakan harapan negara sebagai penerus kesinambungan kepimpinan negara pada masa depan.

Pehin Sri Taib berkata, Sarawak kini memasuki lembaran baru dan membina struktur pembangunan ekonomi global yang memberi fokus kepada industri, bioteknologi dan pelancongan sejajar dengan SCORE.

"Kita ada pembangunan Samalaju di Bintulu dan Tanjung Manis di Mukah yang boleh menarik pelabur besar dari dalam dan luar negara yang dapat merancakkan pembangunan ekonomi negeri dengan pelbagai projek yang berskala besar di kawasan perindustrian tersebut.

■ SILA LIHAT MUKA 2

Pemangkin ekonomi negara

DARI MUKA 1

"Sudah tentu ini memerlukan tenaga mahir seperti graduan Unimas kerana SCORE memerlukan lebih kurang 1.5 juta tenaga kerja di pelbagai peringkat dan industri," jelasnya.

Katanya, Sarawak bertuah kerana wujudnya Unimas yang mempunyai kepakaran serta prasarana yang lengkap dan rapi bagi memastikan program dan aktiviti pengajian tinggi yang dapat berjalan dengan lancar di Sarawak.

"Para graduan harus lebih bersedia dalam menyahut cabaran seumpama ini iaitu dengan melengkapkan diri dengan pendidikan, pengetahuan dan

kemahiran yang mana sangat berguna di alam pekerjaan kelak," ujarnya.

Menurutnya lagi, pada masa sekarang banyak dibincangkan berkenaan transformasi negara dan kesannya kepada pembangunan masyarakat.

Beliau menegaskan bahawa di pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program pembangunan, namun jika ia tidak difahami dan dihayati oleh masyarakat, maka usaha tersebut tidak dapat memberi impak sepenuhnya.

"Misalnya Program Inovasi Negara yang bertujuan membina modal insan bersifat inovatif tidak akan berjaya sekiranya konsep dan objektifnya gagal

dihayati. Adalah sukar membentuk daya kreativiti sekiranya kita gagal memahami dan membudayakan inovasi dalam segala aspek kehidupan kita," katanya.

Katanya, universiti memainkan peranan penting dalam pembentukan graduan yang inovatif dan berdaya saing, inovasi pula perlu diamalkan dalam semua aktiviti kesarjanaan seperti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan serta pengurusan ilmiah.

Pehin Sri Taib berkata, kerajaan sentiasa memberi peluang kepada pelajar universiti untuk menyuarakan pendapat mereka seperti mana yang diperuntukkan dalam AUKU (Akta Universiti

dan Kolej Universiti), dengan pindaan AUKU mahasiswa dapat menyuarakan pendapat mereka mengikut saluran yang betul.

"Sikap mudah terikut-ikut tanpa usul periksa dan mempercayai khabar siber adalah kesan negatif dari perkembangan ICT dan ledakan maklumat yang tidak terkawal. Mereka yang tidak dapat menyaring dan menilai maklumat dengan baik cepat terpengaruh dan kadang-kadang menimbulkan kekeliruan.

"Jadi graduan sebagai generasi muda hari ini perlu lebih kritikal dalam menyaring dan menerima apa-apa maklumat agar tidak terpesong daripada tujuan dan sumber sebenarnya," katanya.